

23 MAY 2000

Ling-Reaksi (MCA)

PELBAGAI PIHAK MERAYU DR LING PERTIMBANG SEMULA KEPUTUSAN

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Anggota parlimen, anggota dewan undangan negeri, para pemimpin parti peringkat negeri dan pusat MCA hari ini merayu kepada presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik supaya menimbang semula keputusannya untuk melepaskan jawatannya daripada Kabinet.

Para pemimpin berkenaan yang terkejut dan sedih dengan pengumuman Dr Ling semalam untuk melepaskan jawatan dari Kabinet berkata mereka tidak dapat menerima keputusan Dr Ling walaupun beliau mengulangi hari ini bahawa keputusannya itu adalah muktamad.

Kira-kira 40 anggota parlimen dan dewan undangan negeri dari MCA hari ini sebulat suara bersetuju pada mesyuarat yang diadakan di ibu pejabat parti untuk menolak perletakan jawatan Dr Ling.

Naib presiden MCA Datuk Ong Ka Ting yang juga Anggota Parlimen Pontian memberitahu pemberita selepas mesyuarat sejam itu bahawa mereka akan menyampaikan keputusan itu kepada Dr Ling.

Ong, timbalan pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Johor terdahulu memberitahu pemberita bahawa MCA Johor telah mengadakan mesyuarat khas di sini dan meluluskan tiga resolusi meminta Dr Ling mengubah keputusannya.

Ong berkata ketiga-tiga resolusi itu ialah -- menolak keputusan Dr Ling untuk melepaskan jawatan menteri Kabinet dan merayu beliau menimbang semula keputusan; berpendapat[at beliau sukar dicari pengganti dan berdiri teguh di bekalgannya untuk mengetuai MCA, masyarakat Cina dan negara.

"Kami dibanjiri panggilan telefon daripada anggota peringkat bawah yang menyatakan mereka mahu beliau kekal sebagai Presiden MCA dan tidak mahu kehilangan beliau sebagai seorang daripada menteri mewakili masyarakat Cina di negara ini," kata beliau.

"Beliau sentiasa mengekalkan sikap tenang, stabil, jujur dan tidak mementingkan diri sendiri demi kepentingan parti dan masyarakat kerana beliau mempunyai banyak ciri-ciri kepimpinan," kata beliau.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal hari ini bahawa MCA tidak akan diberi jawatan tambahan dalam Kabinet, Ong berkata apapun keputusan oleh Perdana Menteri hendaklah dihormati.

"Kita perlu menghormati apapun keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri mengenai perkara-perkara yang telah dibincangkan," kata beliau.

Sementara itu, Jawatankuasa Pemuda MCA kebangsaan, yang mengadakan mesyuarat tergepar hari ini, turut merayu Dr Ling supaya menarik balik keputusannya.

Bagaimanapun, Timbalan Ketua Pemuda MCA Hoo Seong Chang berkata jawatankuasa Pemuda berpendapat keputusan Dr Ling itu menunjukkan semangat kecintaannya kepada parti.

"Tindakan mulia beliau yang sanggup mengorbankan dirinya demi perpaduan parti amat disanjung tinggi dan dihargai tetapi pengorbanan beliau tersebut tentu akan merugikan parti MCA dan negara," katanya pada sidang media selepas mesyuarat tergepar itu.

Hoo yang mempengerusikan mesyuarat itu kerana Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Kiat kini berada di Kepulauan Solomon kerana tugas rasmi, berkata rayuan terhadap Dr Ling itu dicapai sebulat suara pada mesyuarat berkenaan.

Katanya Pemuda akan menemui Dr Ling kemudian bagi menyatakan rayuan mereka itu.

Hoo berkata Pemuda MCA juga akan menghantar telegram mengenai keputusan mesyuarat itu kepada Dr Mahathir dan berharap Perdana Menteri akan menimbangkannya.

Di MELAKA, Jawatankuasa perhubungan MCA negeri, pergerakan Pemuda dan

Wanita negeri mengadakan mesyuarat tergepar dan sebulat suara menyeru Dr Ling menarik balik keputusannya.

Pengerusi MCA negeri Datuk Wira Gan Boon Leong berkata: "MCA Melaka terkejut dan sedih dengan keputusan presiden parti dan dengan penuh keikhlasan sebulat suara menyeru beliau menarik balik keputusan itu."

Satu memorandum rayuan daripada jawatankuasa perhubungan negeri, pemuda dan wanita akan dikemukakan kepada Dr Ling hari ini bagi memujuk beliau membatalkan hasratnya, Gan berkata pada sidang media selepas mempengerusi mesyuarat tergepar di pejabat MCA negeri di sini.

"Dr Ling perlu terus kekal dalam Kabinet kerana seorang presiden parti yang tidak mempunyai jawatan kabinet akan kurang kewibawaan untuk memimpin," kata Gan.

"Presiden parti jangan putus asa, ahli-ahli MCA seluruh negara akan bersatu menghulurkan bantuan dan sokongan untuk menangkis segala masalah yang di luar jangkaan," katanya.

Di KOTA KINABALU, jawatankuasa perhubungan MCA Sabah dalam mesyuarat tergeparnya dengan sebulat suara merayu kepada Dr Ling supaya menimbang semula keputusannya.

"Mesyuarat sebulat suara merayu kepada Datuk Seri Dr Ling Liong Sik supaya mengkaji semula keputusannya," menurut kenyataan MCA Sabah.

Mesyuarat berpendapat bahawa di bawah kepimpinan Dr Ling, MCA sekarang telah memasuki era baru kekuatan dan perpaduan, menurut kenyataan itu.

Di SEREMBAN, Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri Sembilan pada mesyuarat tergepar juga sebulat suara merayu presiden Dr Ling Liong Sik membatalkan hasratnya.

Setiausaha MCA negeri Datuk Hon Choon Kim berkata MCA negeri akan menghantar telegram kepada Dr Mahathir dan Dr Ling tentang keputusan MCA negeri itu.

"Mesyuarat juga sebulat suara menyatakan sokongan padu kepada Dr Ling sebagai presiden parti. MCA Negeri Sembilan, pergerakan pemuda dan wanita MCA negeri berdiri teguh dan memberi sokongan padu kepada Dr Ling untuk memimpin MCA," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat tergepar itu yang dipengerusikan pengerusi MCA negeri Datuk Wong See Wah.

Ketika ditanya sama ada hasrat Dr Ling meletakkan jawatan itu akan menjejaskan jentera dan peluang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang, Hon berkata ia tidak akan menjejaskan BN.

"MCA akan memberi sokongan 100 peratus dan jentera MCA akan bekerja kuat untuk memastikan BN memenangi pilihan raya kecil itu," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Timbalan Pengerusi MCA negeri, Wong Foon Meng berkata MCA negeri menyerahkan surat rayuan kepada presiden parti itu meminta beliau menimbang semula hasratnya.

Katanya surat itu diserahkan oleh Pengerusi MCA Negeri, Datul Lau Ying Ping kepada Dr Ling di Kuala Lumpur.

"Sebagai menteri Kabinet, beliau (Dr Ling) bukan sahaja berjaya melaksanakan tugasnya dengan baik dan cemerlang tetapi turut berjaya membela nasib masyarakat Cina dan menyelesaikan pelbagai masalah mereka," katanya.

-- BERNAMA

NHD MGM MOZ HK AZ AYB FAZ